

Bukan untuk desak Kerajaan: Dr.M

Umno ditubuh untuk bela nasib Melayu

KELANG, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata tanggungjawab pemimpin-pemimpin Umno bukan semata-mata untuk mencari nama.

"Tanggungjawab para pemimpin Umno yang lebih penting ialah untuk meletakkan orang-orang Melayu di tempat yang wajar di negara ini," tegasnya ketika merasmikan mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Shah Alam di sini hari ini.

Katanya, tanggungjawab Kerajaan adalah terlalu besar untuk membela nasib rakyatnya.

"Saya sendiri sanggup untuk tidak popular asalkan

orang Melayu tidak merana," tambahnya.

Belliau mengingatkan masalah yang dipikul Kerajaan tidak akan dapat diatasi meskipun pemimpin-pemimpinnya bertukar 100 kali dalam 10 tahun.

Timbalan Perdana Menteri itu juga mengingatkan ahli-ahli Umno supaya tidak mengkritik Kerajaan secara membuta-tul kerana tindakan itu hanya akan merugikan orang-orang Melayu sendiri.

"Umno bukan parti pembangkang dan tidak ditubuhkan untuk mendesak Kerajaan, sebaliknya ia ditubuhkan khusus untuk membela nasib orang-orang Melayu," tegasnya lagi.

Belliau berkata, sekiranya ahli-ahli Umno tidak puas dengan pemimpin-pemimpin yang ada mereka boleh menukar pemimpin-pemimpin ini kerana Umno berpegang kepada prinsip-prinsip demokrasi.

Belliau berkata segala keputusan Umno tidak seharusnya membawa kekecewaan kepada mereka yang tidak dapat menafaati darinya.

Umno, katanya, walaupun mewakili orang-orang Melayu juga bertanggung jawab ke atas negara dan kaum-kaum lain.

"Ini tentunya akan menambah masalah Umno,"

tambahnya. Belliau berkata, sekiranya Umno gagal untuk memuaskan hati ahli-ahlinya sudah tentu ia akan menjadi lebih berat untuk memuaskan hati rakyat yang bukan ahlinya.

Belliau juga berkata kejayaan Umno dan Barisan Nasional untuk membela orang-orang Melayu tidak boleh diperkecil-kecilkan.

"Dulu di zaman British tak ada rakyat Melayu. Yang ada hanya rakyat Kedah, Selangor dan lain-lain lagi. Hanya Umno yang berjaya menggabungkan orang-orang Melayu ke taraf nasional yang kini mula dihormati oleh dunia.

"Dulu kita kata kita tak mungkin dapat kejayaan, tetapi setelah Umno dan rakan-rakan yang simpati berjaya m e n d a p a t k a n kemerdekaan, keadaannya telah berubah," jelasnya.

Belliau berkata belliau juga dahulu pernah membuat bising di Dewan Rakyat, tetapi ketika itu penuntut-penuntut Melayu hanya 10 peratus dari jumlah penuntut di Universiti Malaya.

Tetapi, tambahnya, keadaan kini telah berubah di mana jumlah penuntut Melayu meningkat sehingga 55 peratus di tiap-tiap universiti.

Belliau juga kesal dengan sikap setengah-setengah pemimpin dan ahli Umno yang menjadikan parti sebagai batu loncatan untuk mencari laba.

"Setengah-setengahnya begitu pandal bercakap tetapi setelah dapat peluang mereka terus diam."

"Setengahnya pula heboh mengkritik dalam rencana-rencana akhbar, tetapi dalam diam-diam buat joint-venture," ujarnya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11, 873

No. Penermaan 3686 / 87